



KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

APLIKASI MOBILE SEMAKAN BR1M BOLEH DIMUAT TURUN DARI PLATFORM IOS DAN ANDROID

Pemohon Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) kini boleh memuat turun **Aplikasi *Mobile Semakan Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M)*** menerusi *Play Store* untuk platform *Android* atau *App Store* untuk platform iOS. Melalui aplikasi ini, setiap pemohon BR1M boleh menyemak status penghantaran borang, permohonan BR1M, status bayaran dan status rayuan BR1M sekaligus memudahkan urusan pemohon untuk melakukan semakan tanpa perlu menghubungi talian BR1M atau beratur panjang di kaunter-kaunter perkhidmatan BR1M di seluruh negara.

Pemohon hanya perlu muat turun aplikasi tersebut dari *Play Store* dan juga *App Store* dengan kata carian "Semakan BR1M" dan ikut sahaja arahan mudah yang akan diberikan. Mohon orang ramai untuk memastikan bahawa aplikasi yang dimuat turun tersebut merupakan aplikasi tulen yang dibangunkan oleh LHDNM.

#

SEKIAN, TERIMA KASIH



Dikeluarkan oleh:

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658 / 21674 / 21676 | 📠 : 03-8313 7801
Hasil Care Line : 1-800-88-5436 (LHDN)
Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 18 Januari 2018.




Kenyataan Media LHDNM, 18 Januari 2018

OBJEKTIF



- 01 Memberi kemudahan kepada pemohon untuk membuat semakan di mana sahaja
- 02 Semakan status penghantaran borang
- 03 Semakan status permohonan
- 04 Semakan status bayaran
- 05 Semakan status rayuan
- 06 Memberi kemudahan kepada pemohon untuk membuat semakan di mana sahaja
- 07 Meningkatkan imej pelaksanaan BR1M seiring dengan perkembangan teknologi terkini


APLIKASI MOBILE SEMAKAN BR1M

- Terdapat 2 jenis platform yang telah dibangunkan iaitu **Android** dan **iOS**.
- Aplikasi ini boleh dimuat turun di **Play Store** bagi platform Android dan di **App Store** bagi platform iOS.






LANGKAH PENGGUNAAN APLIKASI


1. Pilih Play Store  atau App Store  dan cari 'Semakan BR1M'. Kemudian muat turun aplikasi tersebut.

*Partikan logo aplikasi berkenaan seperti berikut: 
2. Buka aplikasi semakan yang telah berjaya dimuat turun, paparan **Laman Utama** akan dipaparkan.



ANDROID





iOS





3. Untuk membuat semakan permohonan, sila pilih **tab Semakan**. Masukkan nombor pengenalan di ruangan yang disediakan dan pilih **Semakan Status**.



4. Jawab 2 soalan keselamatan dengan betul. Pemohon diberikan sebanyak 3 kali cubaan untuk menjawab setiap soalan. Selepas 3 kali gagal menjawab, semakan tidak dapat dilakukan bagi nombor pengenalan tersebut. Sila hubungi Cawangan LHDNM berdekatan untuk semakan lanjut.

5. Pemohon boleh menukar soalan dengan pilih butang **Tukar Soalan**.
6. Paparan keputusan akan dikeluarkan sekiranya pemohon berjaya menjawab dua soalan keselamatan.

7. Pemohon boleh pilih pada **tab Hubungi** untuk membuat panggilan sekiranya terdapat sebarang pertanyaan.

Lampiran 1: Maklumat mengenai Aplikasi *Mobile Semakan Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M)*.